



LAWAT ... Masidi sedang melawat gerai pameran PEREKA.

NST 9/6/2011 8



TAHNAH ... Masidi (kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.

# UMS perlu tingkat pengaruh, keupayaan, kredibiliti pusat penyelidikan, kata Masidi

OLEH MIZRON MARALANG & MOHD. RIDZAL ABDULLAH

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu meningkatkan pengaruh, keupayaan dan kredibiliti beberapa pusat kecemerlangan penyelidikan sebagai sebahagian dari usaha untuk meningkatkan sumbangan penyelidikan dalam memacu pertumbuhan negara.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata budaya penyelidikan patut dipupuk kerana ia merupakan salah satu elemen yang penting dalam penciptaan ilmu-ilmu baru.

Katanya, universiti bukan sahaja berperanan untuk melahirkan graduan cemerlang dalam akademik tetapi graduan perlu dilengkapi dengan segara kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan.

"Ciptaan dan rekaan yang dihasilkan dan dipertandingkan dalam pereka tahun ini tidak wajar terhenti setakat ini sahaja sebaliknya pencapaian sepanjang PEREKA ini mesti menjadi titik mula kepada hubungan UMS dengan pihak industri yang lebih erat lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meng-

hadiri Majlis perasmian dan penutupan Pertandingan Penyelidikan dan Reka Cipta UMS (PEREKA) 2011 di Dewan Canselor, UMS baru-baru ini.

Masidi juga berkata, makanan yang diperbuat daripada alam semula jadi adalah lebih baik khususnya daripada buah-buahan kerana ianya diproses tanpa campuran daripada bahan-bahan kimia dan lebih baik jika dibandingkan dengan makanan yang lain.

"Semua sumber sudah Tuhan sediakan dan diberi secara percuma, tinggal kita lagi yang menggunakannya untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik," katanya.

Selain itu, beliau menekankan bahawa apa jua penyelidikan yang dijalankan di UMS ini haruslah mengutamakan kepentingan rakyat Sabah. Ini kerana hasil kajian akan dapat memberi impak yang lebih besar kepada UMS, negeri Sabah dan masyarakat setempat amnya serta dapat meningkatkan nilai tambah kewangan.

Masidi juga menyeru pihak UMS untuk memikirkan seterusnya mencipta penyelesaian melalui teknologi yang dapat menyelesaikan masalah tanah runtuh di Sabah terutamanya di kawasan Kundasang, Ranau bagi membantu rakyat

yang menetap di kawasan tanah tinggi.

Antara pemenang pada pertandingan kali ini adalah bagi kategori Penyelidikan yang mendapat anugerah emas adalah Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dari SSMP dengan tajuk projek Harnessing Natural Antioxidant From Edible Wild Mushrooms, Dr. Ismail Saad dari SKTM dengan tajuk projek Custom-Made Design Of New 16-Bits Risc Microprocessor Architecture dan Dr. Umi Manickam Khattab dengan tajuk projek Kita I Malaysia: Media and The (RE) Construction of Identity: A Case Study of Youth In Sabah Malaysia.

Sementara itu, bagi kategori Inovasi pula, antara pemenang yang mendapat anugerah emas adalah Sim Kheng Yuen dengan tajuk projek An Innovated and Value Added Process For Fish Sauce Fermentation dari SPL, Prof. Madya Dr. Khin Swe Ei DENGAN TAJUK PROJEK The Comprehensive Life Support Training Package dari SPU dan Prof. Madya Dr. Charles S. Variappan dengan tajuk projek Novel Halogenated Chamigrane With Anti Cancer Activity dari IBTP.

Tahun ini sebanyak 294 penyertaan yang terdiri dari 175 penyelidikan dan 119 inovasi dari pelbagai kategori telah dipertandingkan pada PEREKA 2011.